

04 JAN 2002

Ling-Calon

CALON BN BAGI KERUSI INDERA KAYANGAN DIUMUM ESOK

KANGAR, 4 Jan (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi dewan undangan negeri Perlis kawasan Indera Kayangan akan diumumkan esok, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Menurutnya, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim selaku pengarah pilihan raya BN Perlis akan mengumumkan nama calon itu di kediaman rasminya pada tengah hari.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN telah memilih seorang calon yang namanya akan diumumkan oleh Shahidan.

"Kita umum awal supaya bakal-bakal calon tidak tunggu begitu lama" katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama pasukan petugas MCA bagi pilihan raya kecil Indera Kayangan di Wisma MCA Perlis di sini malam ini.

Turut hadir pada mesyuarat itu ialah Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek dan tiga naib presidennya, Datuk Seri Ong Ka Ting, Datuk Chua Jui Meng dan Datuk Dr Fong Chan Onn.

Pilihan raya kecil ini diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Khor Liang Tee yang juga Pengerusi MCA Perlis.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu ditetapkan pada 10 Jan dan jika ada pertandingan, pengundian ialah pada 19 Jan. BN telah menetapkan bahawa kerusi Indera Kayangan diperuntukkan kepada MCA.

Ditanya sama ada calon yang bakal diumumkan esok mengikut senarai empat nama yang disebut-sebut sebelum ini, Ling berkata, calon terbabit adalah salah seorang daripada mereka.

Bakal-bakal calon yang disenaraikan sebelum ini terdiri daripada Ketua Wanita MCA Perlis, Ooi Ah Lan, Naib Ketua MCA bahagian Kangar, Steven Lee Yin Chon, Setiausaha MCA Perlis, Tan Kok Kheng dan Penolong Setiausaha MCA Perlis, Ch'ng Ban San.

Mengenai peluang BN untuk mengekalkan kerusi itu, Ling berkata, ia adalah cerah kerana mendiang Khor telah memberi perkhidmatan terbaik sebelum ini.

Katanya, bakal-bakal calon juga telah berikrar untuk saling membantu seandainya tidak terpilih sebagai calon.

-- BERNAMA

AD FAZ